

**PEKELILING PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN1/1987**

=====

**PROGRAM KHAS PERUMAHAN KOS RENDAH NEGERI SELANGOR  
ATURCARA MEMPROSES PERMOHONAN TUKAR SYARAT TANAH**

-----

Sebagaimana yang telah dimaklumkan Program Khas Perumahan Kos Rendah telahpun mula dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam tahun 1986. Di bawah Program Khas tersebut, projek-projek perumahan kos rendah di atas tanah kerajaan adalah dimajukan oleh Kerajaan Negeri samada secara penswastan atau secara usahasama dengan syarikat-syarikat swasta, manakala projek-projek di atas tanah persendirian dilaksanakan oleh pihak swasta berkenaan. Di bawah program khas yang melibatkan tanah-tanah swasta, pembinaan jenis-jenis rumah yang boleh dipertimbangkan ialah mengikut nisbah 50:20:30 iaitu 50% rumah kos rendah, 20% rumah kos sederhana rendah dan 30% rumah kos sederhana.

2. Bagi memastikan pemprosesan permohonan tukar syarat tanah di bawah program khas ini berjalan lancar, maka pasukan petugas yang dipengerusikan oleh YAB. Dato' Menteri Besar Selangor telah membuat keputusan supaya "aturcara memproses permohonan tukar syarat tanah" yng dikembarkan bersama-sama ini diikuti.

3. Sebagaimana yang dapat dilihat di dalam aturcara tersebut di atas, Pentadbir Tanah Daerah dan juga jabatan-jabatan teknikal dikehendaki menyampaikan laporan dan ulasan masing-masing ke pejabat ini dalam tempoh 4 minggu supaya dapat dikemukakan kepada pasukan petugas dan seterusnya kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor untuk pertimbangan dalam jangka masa yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, semua Pentadbir Tanah adalah dikehendaki memberi keutamaan kepada permohonan tukar syarat tanah di bawah program khas ini dan memastikan supaya laporan tanah, ulasan dan butir-butir hakmilik disampaikan ke pejabat ini dalam tempoh yang ditetapkan itu.

T.T  
**(ABDUL HADI BIN HAJI SIDEK)**  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Selangor,  
**Shah Alam.**

Bertarikh pada 7hb Februari 1987

PTG.Sel. 0.436/1. Jld.1

**Program Khas Perumahan Kos Rendah Negeri Selangor**

**Aturcara Memproses Permohonan Tukar Syarat Tanah**

<b>PERINGKAT</b>	<b>JANGKAMASA (MINGGU)</b>	<b>HURAIAN TINDAKAN/ PERKARA YANG PERLU DIAMBIL INGATAN</b>						
1. Pemohon		<p>1.1 Dua salinan permohonan Borang Jadual XVII Kaedah-kaedah Tanah Selangor</p> <p>1.2 Bayaran bagi setiap hakmilik                      - Tidak melebihi 1 hektar = RM10.00                      - Melebihi 1 hektar tidak melebihi 10 hektar = RM50.00                      - Melebihi 50 hektar = RM 65.00                      Bayaran hendaklah dibuat melalui 'money order' atau 'bank draf' di atas nama Pentadbir Tanah Daerah berkenaan.</p> <p>1.3 26 salinan                      (i) Pelan layout (2 rantai: 1 inci)                      (ii) Pelan petunjuk (dalam bandar 16 rantai: 1 inci)                      (iii) Pelan kontor (2 rantai : 1 inci)</p> <p>1.4 Salinan fotostat yang disahkan bagi setiap hakmilik.</p> <p>1.5 10 sampul surat bertulis "Projek Perumahan Khas".</p>						
2. P.T.G	1	<p>2.1 Akaun Penerimaan</p> <p>2.2 Hantar Borang Permohonan, bayaran dan pelan-pelan (2 salinan) kepada Petadbir Tanah Daerah (PTD).</p> <p>2.3 Rujuk kepada</p> <table border="0" style="width: 100%;"> <tr> <td style="text-align: center;">Jabatan</td> <td style="text-align: center;">Bilangan Pelan</td> </tr> <tr> <td>(i) Jabatan Perancang Bandar dan Kampong (JPBK)</td> <td align="center">2</td> </tr> <tr> <td>(ii) JKK</td> <td align="center">4</td> </tr> </table>	Jabatan	Bilangan Pelan	(i) Jabatan Perancang Bandar dan Kampong (JPBK)	2	(ii) JKK	4
Jabatan	Bilangan Pelan							
(i) Jabatan Perancang Bandar dan Kampong (JPBK)	2							
(ii) JKK	4							

PERINGKAT	JANGKAMASA (MINGGU)	HURAIAN TINDAKAN/ PERKARA YANG PERLU DIAMBIL INGATAN	
		(iii)	Penguasa Tempatan (jika berkenaan) 2
		(iv)	Pengurus kawasan LLN Selangor 5
		(v)	Jabatan Bekalan Air (JBA) 2
		(vi)	Jabatan Parit dan Teliair (JPT) 2
		(vii)	Jabatan Kesihatan 2
		(viii)	Telekom 2
3. Pentadbir Tanah Daerah dan Jabatan-jabatan	4	3.1	Pentadbir Tanah Daerah i) Mendaftar fail ii) Resit iii) Laporan tanah dan ulasan
		3.2	Jabatan-jabatan i. JPBK Mengkaji leaut pemohon  ii. JKR Jalan masuk : Ada  iii. Penguasa Tempatan Mengkaji pelan leaut  iv. LLN Bekalan letrik : Ada dan bila boleh dibekalkan  v. JBA Bekalan air : Ada dan bila boleh dibekalkan  vi. JPT Sistem saliran

PERINGKAT	JANGKAMASA (MINGGU)	HURAIAN TINDAKAN/ PERKARA YANG PERLU DIAMBIL INGATAN
		<ul style="list-style-type: none"> <li>vii. Jabatan Kesihatan Sistem pembuangan najis</li> <li>viii. PTG Mengkaji permohonan dari aspek pentadbiran tanah</li> </ul>
		3.3 Pentadbir Tanah Daerah menyampaikan laporan tanah, ulasan dan butir-butir hakmilik kepada PTG dengan sampul surat "Projek Perumahan Khas".
		3.4 Jabatan-jabatan lain memberi pandangan/ ulasan kepada PTG dan disalinkan kepada JPBK dengan sampul surat "Projek Perumahan Khas".
4. PTG dan JPBK	1	4.1 PTG <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Semak dengan menggunakan "check list", jabatan-jabatan yang telah memberi pandangan yang tepat.</li> <li>ii. Menyediakan kertas mesyuarat</li> <li>iii. Menyerahkan kertas kepada Setiausaha Pasukan Petugas</li> </ul>
		4.2 JPBK menyelaras dan menyediakan leaut
5. SU Pasukan Petugas	1	Mengaturkan mesyuarat
6. Pasukan Petugas	1	6.1 Mesyuarat Pasukan Petugas 6.2 JPBK menyerahkan leaut 6.3 Jabatan-jabatan teknikal membuat pindaan dalam mesyuarat
7. SU Pasukan Petugas	1	Menyampaikan keputusan mesyuarat kepada PTG

PERINGKAT	JANGKAMASA (MINGGU)	HURAIAN TINDAKAN/ PERKARA YANG PERLU DIAMBIL INGATAN
8. PTG	1	Memasukan perakuan Pasukan Petugas dan syarat-syarat biasa mengenai tukar syarat tanah.
9. MMK	2	9.1 Membuat keputusan 9.2 SUMMK menyampaikan keputusan kepada PTG
10. PTG	1	10.1 Memberitahu keputusan kepada pemohon 10.2 Surat kepada pemohon disalinkan kepada jabatan-jabatan teknikal 10.3 Memanjangkan kepada PTD supaya dikeluarkan surat kelulusan yang lengkap dengan syarat-syarat dan bayaran-bayaran yang terperinci.
11. PTD	1	Mengeluarkan surat kelulusan kepada pemohon supaya dibuat bayaran tukar syarat dalam tempoh 6 bulan.

Catatan : Bentuk pembangunan (housing fix) yang boleh dipertimbangkan ialah:-

- 50% Jenis kos rendah
- 20% Jenis kos sederhana rendah
- 30% Jenis kos sederhana

Walau bagaimanapun pembinaan rumah kos rendah sepenuhnya adalah digalakkan.